

Internet media ketiga paling berpengaruh ke atas pengundi

Berita Harian, 9 July 2001

INTERNET kini media ketiga paling berpengaruh selepas akhbar dan televisyen dari segi kesannya ke atas pengundi dalam pilihan raya umum lalu, menurut satu kajian Institut Pengajian Dasar (IPS), semalam.

Kajian yang dibentangkan oleh Encik Arun Mahizhnan, Timbalan Pengarah IPS, itu mendapati pengaruh Internet kini menjadi lebih penting, termasuk di kalangan warga Singapura yang lebih tua, lebih-lebih lagi bagi golongan muda dan yang mempunyai status sosio-ekonomi lebih tinggi dan berpendidikan.

'Internet boleh diibaratkan sebagai kedai kopi elektronik. Ia membolehkan sesiapa pun mendekati orang ramai, pada bila-bila masa, tanpa perlu mengeluarkan belanja yang besar atau secara percuma.'

'Ia juga memberi warga siber anonimiti, menjangkaui bidang kuasa Singapura,' kata Encik Mahizhnan ketika mengulas mengenai tinjauan pascapilihan raya IPS yang diadakan baru-baru ini.

Tinjauan itu mendapati saluran perhubungan paling berpengaruh ialah akhbar, diikuti televisyen setempat, Internet, tapak rapat pilihan raya, pekerja akar umbi, lawatan dari rumah ke rumah dan kemudian radio.

Saluran perhubungan lain yang penting termasuk menerusi rakan-rakan dan keluarga, penerbitan parti dan perhubungan dari mulut ke mulut.

Menurut Encik Mahizhnan, pengaruh Internet semakin bertambah dalam pilihan raya kali ini berbanding pilihan raya 2006.

Dari segi parti-parti yang banyak memanfaatkan alam siber, beliau berkata Parti Demokratik Singapura (SDP) dan Parti Pekerja (WP) jelas lebih baik daripada Parti Tindakan Rakyat (PAP).

'Ramai yang bertanya kepada saya adakah kehadiran media alternatif memberi tekanan kepada media saluran aliran utama. Sejak 2006, kami dapat terdapat perubahan besar dari segi liputan.'

'Pada pilihan raya 2011, liputan di saluran aliran utama meningkat, terutama bagi parti-parti pembangkang.'

'Memang jelas bahawa kehadiran media alternatif mengubah pendirian pihak pengurusan di saluran aliran utama dari segi liputan mereka kerana mereka mahu memastikan akhbar-akhbar mereka terus dipercayai,' tambah Encik Mahizhnan.
